

17/08/2003

Sambut hari lahir di perantauan

Shamsurrijal Abdul Jamil

JGII DI NEGARA KE - 28 - ALGERIA

\* 8 Ogos - 14 Ogos

Jumaat

SAYA mencuci kereta Jalur Gemilang II bersama Samir, pemandu Malawakil Algeria. Beliau turut berbangga dengan usaha yang dilakukan oleh JGII mengelilingi dunia.

Saya bersama Zid, jurugambar Bernama turut menunaikan solat Jumaat kerana beliau ada di sini membuat liputan lawatan rasmi Perdana Menteri di Algeria.

Selesai solat, saya, Zid, Reza dan Hafiz memandu JGII ke Makam Syahid - tugu peringatan dan puncak tertinggi di Algeria. Ia dibina bagi mengingati pejuang yang gugur ketika menentang penjajahan Perancis lebih 130 tahun lamanya.

\* 9 Ogos Sabtu

KEHADIRAN kakitangan media, pegawai kanan kerajaan dan pemimpin korporat di Algeria membuatkan JGII seolah-olah berada di Malaysia. Ramai daripada mereka mahu dibawa ke beberapa tempat makan yang terletak di sekitar bandar raya Algiers. Namun pilihan yang terhad mengakibatkan JGII sering ke Ben Aknoun iaitu sebuah restoran India yang satu-satunya menghidangkan nasi beriani yang tidak kurang hebatnya. Tidak kurang ramai yang mahu bergambar bersama dan sudah pasti saya tidak akan menghampakan mereka.

\* 10 Ogos - Ahad

GENAP usia saya 38 tahun. Meskipun berjauhan dengan keluarga tidak lupa mereka mengucapkan selamat hari lahir kepada saya melalui e-mel. Begitulah adat pengembara yang bersendirian ini. Seperti biasa saya akan membawa perwakilan dari Malaysia melihat dan menikmati keindahan Algiers.

Pusat bandar dengan laluan sempit antara bangunan lama peninggalan Perancis disusuri seolah-olah saya mahir dengan laluan di Algiers, mungkin kerana pengalaman perjalanan di beberapa negara sebelum ini. Kehadiran kenamaan negara, tokoh perniagaan dan pegawai kanan kerajaan Malaysia di bandar ini semakin ramai.

\* 11 Ogos - Isnin

JGII dihantar ke pusat mencuci kereta di pinggir bandar raya Algiers. Terasa puas dan selesa apabila memandu JGII dalam keadaan bersih. Destinasi seterusnya ialah Grende Poste di tengah Algiers untuk saya mendapatkan pengesahan kehadiran JGII di Algeria. Tidak banyak masalah mendapatkan tanda tangan malah diberikan setem sebagai kenang-kenangan oleh pegawai bertugas.

Sesudah itu, sebuah pusat internet menjadi destinasi saya mengemaskinikan gambar pada laman web rasmi JGII. Gambar sepanjang perjalanan di Algeria dimasukkan.

\* 12 Ogos Selasa

SEBELAH pagi bersama rombongan Perdana Menteri, saya mengunjungi Boumedes sebuah kawasan bekas gempu bumi yang dilanda bencana itu pada jam 7.44 malam, 21 Mei 2003. Boumedes yang terletak kira-kira 45 kilometer (km) dari pusat bandar Algiers dilanda gempu bumi pada kadar 6.8 skala Richter. Ia mengorbankan lebih 2,000 orang serta hampir 3,500 orang cedera sementara merosakkan 84,300 buah rumah. Pembangunan semula kawasan bencana dilakukan serta-merta disebabkan Boumedes ialah kawasan pertanian, pendidikan, perindustrian dan pelancongan yang penting di Algeria. Namun disebabkan faktor ekonomi yang agak ketat, hanya bangunan terjejas teruk

diruntuhkan sementara bangunan yang mengalami kerosakan hanya diperbaiki semula. Sebelah petang JGII buat kali pertama menerima suntikan semangat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau hadir di Sheraton Club Des Pins untuk ucapan Majlis Dialog Perniagaan Malaysia - Algeria serta menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pertukaran bahan berita di antara Bernama dan agensi berita tempatan Algeria. Atas bangga dengan semangat Malaysia Boleh, Dr Mahathir mengucapkan tahniah atas usaha meskipun yang belum selesai ini. Namun kehadiran JGII di Algiers sejauh lebih 40,000 km dari titik mula perjalanan adalah bukti di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Pertanyaan berbentuk teknikal dan informasi mengenai perjalanan ditanya Dr Mahathir satu persatu dan dengan bangganya JGII tetap nyatakan semua alat ganti kenderaan menggunakan komponen buatan Malaysia.

'Bila nak balik semula ke Malaysia?' tanya beliau. Saya katakan 31 Ogos 2004 dan destinasi JGII seterusnya ialah benua Eropah. Ternyata beliau cukup bangga dengan kemampuan produk negara yang mampu meredah gunung-ganang, lembah, padang pasir dan gurun dalam pelbagai bentuk cuaca.

\* 13 Ogos Rabu

SEBELAH pagi saya menyiapkan laporan dan jadual perjalanan yang banyak berubah berikutan penutupan sempadan Algeria dan Maghribi. JGII perlu kembali semula ke Tunis, Tunisia untuk menaiki kapal menyeberangi Laut Mediterranean dan meninggalkan benua Afrika untuk sementara. JGII dijangka kembali semula ke benua Afrika pada April tahun depan pada sebelah selatan bagi laluan 17 negara hingga ke bahagian Timur-Utara Afrika sebelum melangkah ke benua Oceania.

Faktor cuaca dan kedudukan geografi Eropah adalah faktor utama untuk JGII meninggalkan Afrika dari sebelah utara dan dijangka berlaku cuaca buruk di selatan Afrika. Perubahan ini juga memberikan sedikit kelebihan pada JGII untuk menumpukan bahagian Eropah Timur, Russia dan Scandinavia pada musim panas yang dijangka berlarutan untuk tempoh dua bulan lagi. Oleh itu, Eropah tengah, selatan dan barat akan dilalui ketika peralihan cuaca musim sejuk yang pastinya mengurangkan tekanan kepada JGII.

Setelah selesai melakukan tugas, saya membawa Mior dari Berita Harian, Mokhtar dan Zid dari Bernama ke pusat bandar Algiers untuk membeli sedikit ole-ole. Nasib tidak baik kerana kereta JGII diangkut pihak berkuasa Algeria ke tempat simpanan kereta kerana kesilapan meletak kereta di kawasan larangan. Selepas berusaha mencari dan menunjukkan bukti kereta itu milik JGII, akhirnya dilepaskan tanpa dikenakan denda.

Saya sempat memberitahu pegawai polis bertugas, saya adalah pelancong yang hadir di situ untuk seketika dan bukannya menginap di kawasan berkenaan.

\* 14 Ogos - Khamis

SEAWAL pagi, saya check out dari hotel penginapan di Algiers. Rakan-rakan dari Malaysia yang hadir menjalankan tugas rasmi mula meninggalkan Algiers. JGII kembali sendirian untuk bersiap meneruskan perjalanannya. Terasa sedih dan sayu untuk berpisah meskipun kurang seminggu bersama dan berkampung di Algiers. Gelak dan tawa bersama seolah-olah di Malaysia rasanya.

Namun suntikan semangat daripada mereka yang hadir pastinya mahukan JGII terus mara. Pelbagai kesusahan akan ditempuh. Impian untuk membawa kemenangan pastinya tergambar oleh semua yang menyokong kuat usaha ini. Bagi JGII destinasi ke 28 Algiers adalah satu destinasi yang bertuah kerana segala penat lelah dan usaha mendapat sokongan daripada Dr Mahathir. Kalau dulu kemasukan ke Algeria diragukan dan mimpi ngeri sering bermain pada fikiran namun atas doa, tawakal diiringi dengan doa daripada mereka yang inginkan JGII terus mara JGII berjaya sampai di Algeria.